



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,  
KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

Assalamualaikum wbt dan Salam Sejahtera,

YB Menteri/ YB Timbalan Menteri /YBhg. Datuk Dr./ YBhg. Datuk /YBhg. Dato'/YBr.  
Dr./Tuan/Puan, pemantauan media KPWKM pada 26 September 2024.

**Disediakan oleh,**  
**Unit Komunikasi Korporat**  
**Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat**

BIL	PERKARA	SUMBER	SENTIMEN
1.	<b>Kewarganegaraan: KPWKM Terima Petisyen Sokong Ibu Warga Malaysia</b>  <a href="https://thesun.my/cerita/berita/kewarganegaraan-kpwkm-terima-petisyen-sokong-ibu-warga-malaysia-LG13041864#google_vignette">https://thesun.my/cerita/berita/kewarganegaraan-kpwkm-terima-petisyen-sokong-ibu-warga-malaysia-LG13041864#google_vignette</a>  <a href="https://thesun.my/local-news/citizenship-kpwkm-receives-petition-advocating-equal-rights-for-malaysian-mothers-DG13041736">https://thesun.my/local-news/citizenship-kpwkm-receives-petition-advocating-equal-rights-for-malaysian-mothers-DG13041736</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687615/berita/kewarganegaraan-kpwkm-terima-petisyen-sokong-ibu-warga-malaysia#google_vignette">https://www.sinarharian.com.my/article/687615/berita/kewarganegaraan-kpwkm-terima-petisyen-sokong-ibu-warga-malaysia#google_vignette</a>  <a href="https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/50000-sokong-hak-ibu-warga-malaysia-turunkan-kewarganegaraan-anak-lahir-luar-negara/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/nasional/2024/09/50000-sokong-hak-ibu-warga-malaysia-turunkan-kewarganegaraan-anak-lahir-luar-negara/#google_vignette</a>	The Sun  The Sun  Sinar Harian  Utusan	Neutral
2.	<b>Kembara Kasih KPWKM 2024 Di Sarawak Lakar Kejayaan: Nancy</b>  <a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/kembara-kasih-kpwkm-2024-di-sarawak-lakar-kejayaan-nancy">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/kembara-kasih-kpwkm-2024-di-sarawak-lakar-kejayaan-nancy</a>  <a href="https://thesun.my/local-news/kembara-kasih-kpwkm-programme-in-sarawak-a-success-nancy-KB13039416#google_vignette">https://thesun.my/local-news/kembara-kasih-kpwkm-programme-in-sarawak-a-success-nancy-KB13039416#google_vignette</a>	Utusan Borneo  The Sun	Neutral

	<a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344077">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344077</a> <a href="https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2344102">https://www.bernama.com/en/general/news.php?id=2344102</a>	Bernama Bernama	
3.	<b>Jangan Biarkan Pedofilia Jadi Barah</b> <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/jangan-biarkan-pedofilia-jadi-barah/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/jangan-biarkan-pedofilia-jadi-barah/</a>	Kosmo	Neutral
4.	<b>Sokongan Pekerjaan Bagi Orang Kurang Upaya Di Malaysia</b> <a href="https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/09/sokongan-pekerjaan-bagi-orang-kurang-upaya-di-malaysia/">https://www.utusan.com.my/pilihan-utusan/2024/09/sokongan-pekerjaan-bagi-orang-kurang-upaya-di-malaysia/</a>	Utusan	Neutral
5.	<b>Summit To Focus On Women Advancement</b> <a href="https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/25/summit-to-focus-on-women-advancement">https://www.thestar.com.my/news/nation/2024/09/25/summit-to-focus-on-women-advancement</a>	The Star	Neutral
6.	<b>GISBH: Empat Beradik Selamat Bawah Jagaan JKM</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687577/berita/semas-a/gisbh-empat-beradik-selamat-bawah-jagaan-jkm">https://www.sinarharian.com.my/article/687577/berita/semas-a/gisbh-empat-beradik-selamat-bawah-jagaan-jkm</a>	Sinar Harian	Neutral
7.	<b>Bekas Pengetua Asrama Akhlak Didakwa Salah Guna Wang Lebih RM43,000</b> <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687555/berita/semas-a/bekas-pengetua-asrama-akhlak-didakwa-salah-guna-wang-lebih-rm43000">https://www.sinarharian.com.my/article/687555/berita/semas-a/bekas-pengetua-asrama-akhlak-didakwa-salah-guna-wang-lebih-rm43000</a> <a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302825/bekas-pengetua-asrama-akhlak-jkm-didakwa-salah-guna-rm43000">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302825/bekas-pengetua-asrama-akhlak-jkm-didakwa-salah-guna-rm43000</a>	Sinar Harian Berita Harian	Neutral
8.	<b>Mangsa Banjir Kedah Berkurangan</b> <a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/25/mangsa-banjir-kedah-berkurangan/#google_vignette">https://malaysiagazette.com/2024/09/25/mangsa-banjir-kedah-berkurangan/#google_vignette</a>	Malaysia gazette	Neutral

	<a href="https://selangorkini.my/2024/09/mangsa-bah-di-kedah-berkurangan-kepada-5454-orang-takat-8-pagi-ini/">https://selangorkini.my/2024/09/mangsa-bah-di-kedah-berkurangan-kepada-5454-orang-takat-8-pagi-ini/</a>	Selangor Kini	
9	<p><b>Kanak-Kanak Tiga Tahun Disyaki Didera, Suami Isteri Ditahan</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/kanak-kanak-tiga-tahun-disyaki-didera-suami-isteri-ditahan/#google_vignette">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/kanak-kanak-tiga-tahun-disyaki-didera-suami-isteri-ditahan/#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302958/kanak-kanak-lelaki-tiga-tahun-disyaki-didera-suami-isteri-direman-7-hari">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302958/kanak-kanak-lelaki-tiga-tahun-disyaki-didera-suami-isteri-direman-7-hari</a></p> <p><a href="https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-wanita-ditahan-polis-bagi-membantu-kes-dera-kanak-kanak/">https://www.buletintv3.my/jenayah/lelaki-wanita-ditahan-polis-bagi-membantu-kes-dera-kanak-kanak/</a></p>	<p>Utusan</p> <p>Berita Harian</p> <p>Buletin TV3</p>	Neutral
10	<p><b>Dua Beradik, Kanak-Kanak &amp; Bayi Dikhuatiri Hanyut Dibawa Arus Deras</b></p> <p><a href="https://sabahmedia.com/2024/09/25/dua-beradik-kanak-kanak-bayi-dikhuatiri-hanyut-dibawa-arus-deras/">https://sabahmedia.com/2024/09/25/dua-beradik-kanak-kanak-bayi-dikhuatiri-hanyut-dibawa-arus-deras/</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=6Px5LrkfGSQ">https://www.youtube.com/watch?v=6Px5LrkfGSQ</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-dikhuatiri-hanyut-dibawa-arus-banjir-di-keningau-489233">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/dua-kanakkanak-dikhuatiri-hanyut-dibawa-arus-banjir-di-keningau-489233</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137465/dua-beradik-lesap-dihanyut-kepala-air">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137465/dua-beradik-lesap-dihanyut-kepala-air</a></p> <p><a href="https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2344149">https://www.bernama.com/radio/news.php?id=2344149</a></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302654/kepala-air-badai-rumah-kongsi-2-beradik-termasuk-bayi-3-bulan-hilang">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302654/kepala-air-badai-rumah-kongsi-2-beradik-termasuk-bayi-3-bulan-hilang</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687514/berita/semasa/budak-bayi-dua-bulan-dihanyut-banjir-di-keningau">https://www.sinarharian.com.my/article/687514/berita/semasa/budak-bayi-dua-bulan-dihanyut-banjir-di-keningau</a></p>	<p>Sabah Media</p> <p>Astro Awani</p> <p>Astro Awani</p> <p>Harian Metro</p> <p>Bernamea</p> <p>Berita Harian</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<p><a href="https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/dua-beradik-termasuk-bayi-tiga-bulan-hilang-dihanyutkan-kepala-air">https://www.utusanborneo.com.my/2024/09/25/dua-beradik-termasuk-bayi-tiga-bulan-hilang-dihanyutkan-kepala-air</a></p> <p><a href="https://majoriti.com.my/berita/2024/09/25/belum-tahu-terseleamat-2-budak-termasuk-bayi-malang-hanyut-dalam-banjir-di-sook">https://majoriti.com.my/berita/2024/09/25/belum-tahu-terseleamat-2-budak-termasuk-bayi-malang-hanyut-dalam-banjir-di-sook</a></p> <p><a href="https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/25/dua-bayi-dihanyutkan-kepala-air-selepas-terlepas-dari-pegangan-ibu-bapa-operasi-mencari-giat-dijalankan">https://www.mstar.com.my/lokal/semasa/2024/09/25/dua-bayi-dihanyutkan-kepala-air-selepas-terlepas-dari-pegangan-ibu-bapa-operasi-mencari-giat-dijalankan</a></p> <p><a href="https://www.youtube.com/watch?v=5pf9_GFZ3yg">https://www.youtube.com/watch?v=5pf9_GFZ3yg</a></p> <p><a href="https://selangorkini.my/2024/09/bayi-kanak-kanak-hanyut-dibawa-arus-banjir-lima-individu-lain-terseleamat/">https://selangorkini.my/2024/09/bayi-kanak-kanak-hanyut-dibawa-arus-banjir-lima-individu-lain-terseleamat/</a></p>	<p>Utusan Borneo</p> <p>Majoriti</p> <p>MStar</p> <p>Buletin TV3</p> <p>Selangor Kini</p>	
11	<p><b>Bayi Perempuan Usia 12 Bulan Terkunci Dalam Perodua Kelisa</b></p> <p><a href="https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302820/bayi-perempuan-usia-12-bulan-terkunci-dalam-perodua-kelisa">https://www.bharian.com.my/berita/kes/2024/09/1302820/bayi-perempuan-usia-12-bulan-terkunci-dalam-perodua-kelisa</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137602/bayi-terperangkap-dalam-kereta-berjaya-diselamatkan#google_vignette">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137602/bayi-terperangkap-dalam-kereta-berjaya-diselamatkan#google_vignette</a></p>	<p>Berita Harian</p> <p>Harian Metro</p>	Neutral
12	<p><b>Polis Jumpa Rangka Bayi Di Bypass Rawang</b></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/polis-jumpa-rangka-bayi-di-bypass-rawang/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/polis-jumpa-rangka-bayi-di-bypass-rawang/</a></p>	<p>Utusan</p>	Neutral
13	<p><b>Wanita Ditemukan Lemas Dalam Tasik Di Slim River</b></p> <p><a href="https://thesun.my/cerita/berita/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river-KG13042697#google_vignette">https://thesun.my/cerita/berita/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river-KG13042697#google_vignette</a></p> <p><a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/wanita-lemas-di-tasik-ydp-slim-river/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/wanita-lemas-di-tasik-ydp-slim-river/</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687630/berita/semasa/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river">https://www.sinarharian.com.my/article/687630/berita/semasa/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river</a></p>	<p>The Sun</p> <p>Kosmo</p> <p>Sinar Harian</p>	Neutral

	<a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/wanita-ditemukan-lemas-dalam-tasik-di-slim-river</a>  <a href="https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344433">https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2344433</a>	Berita RTM  Bernama	
14	<b>Bomoh Dicekup ‘Ganggu’ Wanita Ketika Sesi Rawatan Batin</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/bomoh-dicekup-ganggu-wanita-ketika-sesi-rawatan-batin/#google_vignette">https://www.kosmo.com.my/2024/09/25/bomoh-dicekup-ganggu-wanita-ketika-sesi-rawatan-batin/#google_vignette</a>  <a href="https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bomoh-direman-tiga-hari-cabul-wanita-x968w9c">https://www.astroawani.com/videos/video-terkini-x7sio1/bomoh-direman-tiga-hari-cabul-wanita-x968w9c</a>  <a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137592/bomoh-ditahan-cabul-pesakit-wanita">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137592/bomoh-ditahan-cabul-pesakit-wanita</a>	Kosmo  Astro Awani  Harian Metro	Neutral
15	<b>Derita Ibu Tunggal Besarkan Anak</b>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687650/berita/laporan-khas/derita-ibu-tunggal-besarkan-anak">https://www.sinarharian.com.my/article/687650/berita/laporan-khas/derita-ibu-tunggal-besarkan-anak</a>	Sinar Harian	Neutral
16	<b>Tekad Ibu Kudung Kaki Selamatkan Anak OKU</b>  <a href="https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/tekad-ibu-kudung-kaki-selamatkan-anak-oku/">https://www.kosmo.com.my/2024/09/26/tekad-ibu-kudung-kaki-selamatkan-anak-oku/</a>	Kosmo	Neutral
17	<b>Pusat Jagaan Warga Emas Jalan Kebun Dilanda Banjir Kilat</b>  <a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pusat-jagaan-warga-emas-jalan-kebun-dilanda-banjir-kilat-489270">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/pusat-jagaan-warga-emas-jalan-kebun-dilanda-banjir-kilat-489270</a>  <a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687561/edisi/selangor-kl/pusat-jagaan-warga-emas-di-jalan-kebun-dilanda-banjir-kilat">https://www.sinarharian.com.my/article/687561/edisi/selangor-kl/pusat-jagaan-warga-emas-di-jalan-kebun-dilanda-banjir-kilat</a>  <a href="https://gerbangpost.com/rumah-jagaan-warga-emas-bait-al-mawaddah-di-jalan-kebun-seksyen-30-dilanda-banjir-kilat/">https://gerbangpost.com/rumah-jagaan-warga-emas-bait-al-mawaddah-di-jalan-kebun-seksyen-30-dilanda-banjir-kilat/</a>	Astro Awani  Sinar Harian  Gerbang Post	Neutral

<p><b>18</b></p>	<p><b>Pengemis China OKU Mampu Raih RM10,000 Sebulan</b></p> <p><a href="https://malaysiagazette.com/2024/09/25/pengemis-china-oku-mampu-raih-rm10000-sebulan/">https://malaysiagazette.com/2024/09/25/pengemis-china-oku-mampu-raih-rm10000-sebulan/</a></p> <p><a href="https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137597/4-pengemis-oku-warga-china-ditahan">https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2024/09/1137597/4-pengemis-oku-warga-china-ditahan</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687675/berita/semasa/jim-tahan-empat-pengemis-oku-warga-asing">https://www.sinarharian.com.my/article/687675/berita/semasa/jim-tahan-empat-pengemis-oku-warga-asing</a></p> <p><a href="https://www.sinarharian.com.my/article/687579/berita/semasa/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-empat-lelaki-china">https://www.sinarharian.com.my/article/687579/berita/semasa/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-empat-lelaki-china</a></p> <p><a href="https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/pengemis-oku-warga-china-peroleh-rm10000-sebulan-2/">https://www.utusan.com.my/berita/2024/09/pengemis-oku-warga-china-peroleh-rm10000-sebulan-2/</a></p> <p><a href="https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-empat-lelaki-china-489268">https://www.astroawani.com/berita-malaysia/imigresen-tumpas-sindiket-pengemis-jalanan-oku-tahan-empat-lelaki-china-489268</a></p>	<p>Malaysia Gazette</p> <p>Harian Metro</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Sinar Harian</p> <p>Utusan</p> <p>Astro Awani</p>	<p>Neutral</p>
<p><b>19</b></p>	<p><b>Inspirasi Mahasiswa OKU Dari UM Ini Perlu Diteladani</b></p> <p><a href="https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inspirasi-mahasiswa-oku-dari-um-ini-perlu-diteladani">https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/inspirasi-mahasiswa-oku-dari-um-ini-perlu-diteladani</a></p>	<p>Berita RTM</p>	<p>Neutral</p>

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

## KEWARGANEGARAAN: KPWK TERIMA PETISYEN SOKONG IBU WARGA MALAYSIA

**PUTRAJAYA:** Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) hari ini menerima petisyen yang menyokong hak sama rata bagi ibu-ibu warga Malaysia untuk menurunkan kewarganegaraan kepada anak-anak mereka yang dilahirkan di luar negara.

KPWK dalam kenyataan hari ini memaklumkan petisyen itu bertujuan untuk menyampaikan suara daripada lebih 50,000 rakyat Malaysia yang menyokong perkara itu.

Petisyen tersebut diserahkan kepada Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri, oleh Family Frontiers dan Rangkaian Ibu-Ibu Warga Malaysia dalam satu kunjungan hormat ke atas menteri.

Menurut KPWK, menteri telah meluangkan masa untuk bertemu dengan wakil-wakil daripada Family Frontiers dan Rangkaian Ibu-Ibu Warga Malaysia yang membawa suara pembelaan serta permohonan penyelesaian mengenai nasib ibu-ibu warga Malaysia dan anak-anak mereka berhubung hak kewarganegaraan.

KPWK memaklumkan bahawa kerajaan, melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN), telah mengambil inisiatif untuk mempercepatkan pindaan perlembagaan yang berkaitan dengan permohonan kewarganegaraan.

Perbahasan dan bacaan ketiga bagi Rang Undang-Undang (RUU) Perlembagaan (Pindaan) 2024 itu akan diteruskan dalam sidang Parlimen yang dijadualkan bermula pada 14 Okt sehingga 12 Dis ini.

RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 telah dibentangkan bagi bacaan pertama di Dewan Rakyat pada 25 Mac lepas, manakala bacaan kedua pada 27 Mac lepas.

Menurut KPWK, RUU Perlembagaan (Pindaan) 2024 yang dirangka bertujuan agar peruntukan berkaitan kewarganegaraan dalam Bahagian III Perlembagaan Persekutuan menjadi relevan dan signifikan dengan perubahan demografi penduduk serta aspek sosial, politik, dan ekonomi dalam era globalisasi, dan tidak hanya bersifat retorik.

“Pewujudan RUU (Pindaan) 2024 pada hakikatnya teretus daripada saranan dan aspirasi semua pihak berkepentingan semasa sesi libat urus yang dibuat oleh pihak KDN sebelum ini.

“Langkah tersebut dibuat kerana pendekatan kerajaan MADANI pada hari ini adalah untuk memastikan setiap cadangan dan keputusan yang dipersetujui memiliki asas yang kukuh, jitu serta hala tuju yang jelas demi kemaslahatan generasi sekarang dan masa depan mereka kelak,” menurut kenyataan itu.

KPWKM komited memastikan kesejahteraan wanita dan ibu-ibu di negara ini dan akan sentiasa membantu membawa suara mereka dalam apa saja isu untuk perhatian dan penyelesaian sewajarnya oleh kerajaan.

## **KEMBARA KASIH KPWKM 2024 DI SARAWAK LAKAR KEJAYAAN: NANCY**

KUCHING: Rakyat Bumi Kenyalang khususnya di luar bandar telah berpeluang menikmati pelbagai perkhidmatan disediakan secara terus oleh agensi Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) sepanjang program Kembara KASIH KPWKM 2024 (Kembara KASIH) berlangsung 14 hingga 21 Sept lepas.

Menelusuri lapan daerah membabitkan 1,456 kilometer, bermula dari selatan Sarawak iaitu Kuching, seterusnya ke Sibu, Kapit, Bintulu, Sibuti, Miri, Limbang dan penghujung utara negeri, Lawas, kembara berkenaan memanfaatkan 12,000 orang yang membanjiri kaunter agensi di setiap lokasi hentian.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyifatkan program yang julung kali diadakan itu sebagai satu kejayaan dengan sebanyak 27 aktiviti diketengahkan sepanjang penganjurannya.

“Program Saringan Kanser Serviks HPV DNA dan Ujian Mammogram yang dianjurkan Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) berjaya menarik lebih daripada 530 individu untuk mendapatkan perkhidmatan sewaktu kembara.

“Pencapaian ini merupakan satu kejayaan, kerana satu daripada matlamat utama program kembara di Sarawak adalah untuk meningkatkan penyertaan memandangkan jumlah peserta sebelum ini masih rendah,” katanya.

Selain itu, Nancy berkata 1,000 wanita menerima bantuan sekali beri berjumlah RM500 menerusi program Wanita Dinamik yang menjadi antara pengisian kembara bertujuan meningkatkan ekonomi keluarga.

Menurut Timbalan Premier Sarawak Datuk Amar Awang Tengah Ali Hasan, bantuan sedemikian amat bermakna kepada kaum wanita yang menjana pendapatan dari rumah dengan berniaga secara kecil-kecilan.

“Kerajaan Sarawak komited untuk bekerjasama dengan kerajaan Persekutuan dalam apa sahaja kementerian untuk memastikan setiap program dan dasar itu mendapat sokongan padu kita, seterusnya meningkatkan kesejahteraan hidup rakyat,” katanya.

Tidak meminggirkan komuniti kurang bernasib baik seperti orang kurang upaya (OKU) serta warga emas, Kembara KASIH KPWKM turut menjadi platform bagi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) dan LPPKN menyantuni klien di sekitar kawasan laluan konvoi.

Sementara itu, Ketua Pengarah LPPKN Abdul Shukur Abdullah berkata platform kembara itu memberi pendedahan menyeluruh kepada pemimpin masyarakat serta rakyat khususnya di luar bandar mengenai perkhidmatan percuma disediakan agensi di bawah KPWKM.

“Melalui program sebegini, lebih ramai ketua masyarakat mengetahui program LPPKN... mungkin sebelum ini mereka agak terbatas untuk ke premis agensi di bandar, jadi menerusi kembara ini mereka dapat melihat sendiri pameran untuk menguar-uarkan inisiatif kerajaan yang ditawarkan secara percuma.

“Kita akui perkhidmatan LPPKN ini agak terhad sebab di Sarawak kita ada hanya premis di Kuching, Sibu dan Miri jadi program sebegini memberi peluang untuk tawarkan perkhidmatan ini secara terus di kawasan mereka sendiri,” katanya.

Kembara KASIH melibatkan pergerakan 40 kenderaan konvoi serta empat aset kementerian turut melakar sejarah tersendiri susulan pelancaran Pusat Sokongan Sosial Setempat (PSSS) bergerak pertama di negeri ini, selain aplikasi my-PSSS yang memberi kemudahan kepada orang ramai membuat aduan.

“Semoga usaha ini memberi manfaat di Sarawak terutama di kawasan luar bandar untuk dijadikan pusat rujukan khusus kepada kumpulan sasar KPWKM seperti golongan wanita, kanak-kanak, keluarga, warga emas dan OKU untuk mendapatkan perkhidmatan sosial yang holistik,” katanya.

Antara program dianjurkan sepanjang kembara itu termasuklah Program KASIH Keluarga Ceria, LPPKN PEKERTI, Advokasi Antigangguan Seksual dan Program Kesejahteraan Keluarga.

la mendapat kerjasama semua agensi di bawah KPWKM seperti JKM, LPPKN, Jabatan Pembangunan Wanita, Yayasan Kebajikan Negara dan Tribunal Antigangguan Seksual. - BERNAMA

## **SOKONGAN PEKERJAAN BAGI ORANG KURANG UPAYA DI MALAYSIA**

KUALA LUMPUR: Orang Kurang Upaya (OKU) atau lebih dikenali sebagai insan yang mempunyai kekurangan dalam pelbagai aspek dan memerlukan perhatian serta sokongan masyarakat untuk menjalani kehidupan seharian.

Berdasarkan Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685) “orang kurang upaya” termasuklah mereka yang mempunyai kekurangan jangka panjang fizikal, mental intelektual atau deria yang apabila berinteraksi dengan pelbagai halangan, boleh menyekat penyertaan penuh dan berkesan mereka dalam masyarakat. Terdapat sebanyak tujuh kategori OKU iaitu, pembelajaran, fizikal, penglihatan, pertuturan, pendengaran, mental dan pelbagai.

Sehingga 31 Julai 2024, seramai 724,065 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) di seluruh negara. Jumlah ini menunjukkan kesedaran masyarakat terhadap kepentingan mendaftar OKU semakin meningkat.

Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui JKM adalah agensi utama yang bertanggungjawab memelihara kebajikan dan kepentingan OKU seluruh Malaysia.

**Orang Kurang Upaya (OKU) memerlukan perhatian serta sokongan masyarakat untuk menjalani kehidupan seharian.**

Jabatan Pembangunan Orang Kurang Upaya (JPOKU) di bawah JKM pula berfungsi menyediakan perkhidmatan jagaan, perlindungan, pemulihan, latihan dan sokongan pekerjaan kepada OKU di samping menggalakkan penyertaan aktif komuniti setempat melalui pengintegrasian dan pembangunan OKU.

Acap kali kita mendengar keluhan komuniti ini yang mahu mereka diberi hak dan peluang sama rata dalam pelbagai bidang termasuk pekerjaan. Hakikatnya, komuniti OKU amat sukar mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian dengan kemampuan dan keupayaan mereka.

Kurangnya kesedaran, kesediaan dan keyakinan majikan untuk mengambil OKU bekerja juga menyumbang kepada peningkatan OKU tidak bekerja. Ketiadaan aksesibiliti mahupun kemudahan yang lengkap di tempat kerja menambahkan lagi kesukaran OKU untuk diterima bekerja dalam pelbagai sektor pekerjaan.

Berdasarkan Seksyen 29(1), Akta Orang Kurang Upaya 2008 (Akta 685), OKU hendaklah mempunyai hak untuk akses kepada pekerjaan atas asas kesetaraan dengan orang upaya.

Individu kurang upaya juga berpeluang untuk berada dalam sektor pekerjaan dengan bantuan dan sokongan berterusan serta mampu menyumbang kepada pembangunan negara.

### **Inisiatif Jabatan Kebajikan Masyarakat**

Sebagai agensi yang bertanggungjawab, JKM menyediakan pelbagai perkhidmatan bagi memberi peluang dan sokongan kepada OKU untuk diterima bekerja dan terus berada dalam pasaran kerja terbuka.

Bagi menggalakkan OKU terus diintegrasikan dalam masyarakat, JKM telah mewujudkan beberapa inisiatif bagi memastikan OKU tidak terpinggir daripada mengecapi kemajuan dan pembangunan negara.

Program Perkhidmatan Job Coach (PPJC) telah diperkenalkan di Malaysia untuk menggalakkan pekerjaan kekal kepada OKU di pasaran pekerjaan terbuka melalui pendekatan sokongan pekerjaan oleh Job Coach.

PPJC di Malaysia bermula sejak tahun 2012 melalui Project To Support Participation Of Persons With Disabilities Phase II di antara Jabatan Kebajikan Masyarakat dan Japan International Cooperation Agency.

Projek kerjasama ini bermula pada 1 September 2012 hingga 31 Ogos 2015 untuk menggalakkan penyertaan OKU di dalam masyarakat melalui Sokongan Pekerjaan.

Job Coach adalah individu yang berpengalaman dalam memberi sokongan kepada OKU dan telah menghadiri Kursus Asas Job Coach. Ia menjadi penghubung antara OKU dan majikan dengan menyediakan sokongan untuk kedua belah pihak. Ia menawarkan sokongan secara one to one iaitu seorang Job Coach dengan seorang OKU yang melibatkan tempoh masa sekurang-kurangnya 3 hingga 6 bulan mengikut tahap keupayaan OKU.

Dalam tempoh itu, Job Coach akan melaksanakan proses sokongan seperti penilaian terhadap OKU, majikan, tempat kerja, pepadanan kerja, sokongan

intensif, semulajadi dan tindakan susulan.

Di samping itu, OKU yang bekerja dan berpendapatan bulanan RM1,500.00 ke bawah layak diberikan Skim Bantuan Elaun Pekerja OKU (EPOKU) sebagai insentif untuk menggalakkan OKU terus bekerja, serta mampu hidup berdikari dan menjadi ahli masyarakat yang produktif.

**Sehingga 31 Julai 2024, seramai 724,065 OKU berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Malaysia (JKM) di seluruh negara.**

Berdasarkan statistik jabatan, seramai 1,690 OKU telah mendapat pekerjaan melalui perkhidmatan sokongan pekerjaan oleh job coach dan sebanyak 1,037 majikan telah menggajikan OKU mulai dari tahun 2012 hingga Jun 2024.

Seramai 3,211 orang Job Coach telah dilatih melalui Kursus Asas Job Coach di bawah JKM (2010 hingga Julai 2024). Antara sektor pekerjaan yang telah diberi sokongan job coach seperti sektor perhotelan (housekeeping, dobi), makanan dan minuman, pembuatan, pemborong dan peruncitan dan lain-lain sektor.

Antara syarikat atau majikan yang telah menggajikan OKU seperti Mydin Hypermarket, Aeon Malaysia, Gerbang Alaf Restorans Sdn. Bhd, Uniqlo Malaysia, Padini Holding Berhad, dan lain-lain syarikat.

Latihan dan kemahiran PPJC ini telah membuka mata majikan untuk lebih memahami dan bersedia mengambil OKU bekerja dan menggalakkan OKU berdikari, produktif dan tidak mengharapkan bantuan kewangan semata-mata.

Majikan juga mengetahui keistimewaan atau faedah menggajikan OKU dan menerima manfaat potongan cukai daripada Lembaga Hasil Dalam Negeri.

Selain itu, pelaksanaan Dasar 1% OKU Dalam Sektor Awam juga memberi peluang kepada OKU terlibat sama dalam perkhidmatan awam. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan peneraju pengurusan sumber manusia sektor awam yang bertanggungjawab memastikan kejayaan dasar ini.

Menyedari akan kepentingan pencapaian Dasar 1% OKU dalam sektor awam, Garis Panduan Pemanduan Jawatan Dalam Perkhidmatan Awam Kepada Orang Kurang Upaya telah dibangunkan.

Ia sebagai rujukan kepada agensi kerajaan yang mengambil OKU bekerja bagi mengenalpasti skim perkhidmatan yang bersesuaian dengan keupayaan, kelayakan, dan kemahiran seseorang OKU.

Di peringkat KPWK, dasar ini telah tercapai dengan pengisian OKU dalam pelbagai jawatan dengan pencapaian 1.86% atau seramai 148 OKU sehingga Mac 2024. Jabatan tidak mampu berdiri sendiri tanpa sokongan dan bantuan dari pihak lain terutamanya agensi awam, swasta, badan korporat mahupun syarikat berkaitan kerajaan.

Pelbagai usaha digembeling bagi membuka peluang pekerjaan kepada lebih ramai OKU dengan menganjurkan Program Karnival Kerjaya kepada OKU di seluruh negara. Tidak semua majikan memahami isu ketidakupayaan dan limitasi yang dihadapi komuniti OKU. Oleh demikian, JKM sentiasa menguar-uarkan Program

Disability Equality Training (DET) kepada majikan awam dan swasta bagi memberi kesedaran tentang isu tersebut.

Ia bertujuan menyokong penyertaan penuh dan berkesan OKU dalam masyarakat termasuk pekerjaan, penyediaan kemudahan dan perkhidmatan yang memenuhi keperluan OKU di tempat kerja.

Selain itu, penerbitan Video Kesedaran Awam berkaitan program perkhidmatan sokongan Job Coach kepada OKU pada tahun 2023 juga merupakan salah satu usaha Jabatan untuk memberi kesedaran kepada masyarakat terutamanya majikan dan komuniti.

Bagi memberi galakan dan sokongan kepada majikan yang menggajikan OKU, KPWKM memberi pengiktirafan melalui Anugerah Majikan Prihatin sempena Sambutan Hari OKU yang diadakan pada 3 Disember setiap tahun.

### **Kesimpulan**

Perkhidmatan sokongan pekerjaan ini sememangnya mencabar dan memerlukan kesabaran yang tinggi dalam membina sahsiah diri, disiplin dan kemahiran seseorang OKU seterusnya memastikan mereka kekal dalam pekerjaan.

Namun begitu, usaha yang berterusan dan cekal dalam memperkasa OKU sehingga mereka dapat berdikari dan menguruskan diri sendiri adalah satu kepuasan dan pulangan yang berbaloi.

Jika tidak dipecahkan ruyung, manakan dapat sagunya. Begitulah perumpamaan yang sesuai digambarkan kepada OKU yang mempunyai sifat dinamika, unik dan potensi tersendiri.

Sekiranya semua pihak memainkan peranan dan sentiasa terbuka dalam memberi peluang kepada komuniti OKU ini, maka no one left behind akan dapat direalisasikan. Justeru, ayuhlah kita berganding bahu dalam memberi sokongan kepada OKU! – [UTUSAN](#)

### **BEKAS PENGETUA ASRAMA AKHLAK DIDAKWA SALAH GUNA WANG LEBIH RM43,000**



Mohd Baharudin mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen Johor Bahru atas empat pertuduhan menyalahgunakan wang bernilai RM43,098.20 berkaitan lebih tuntutan bayaran daripada JKM Johor, tiga tahun lepas. Foto Bernama

JOHOR BAHRU - Seorang bekas pengetua Asrama Akhlak (Lelaki) Kempas mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini atas empat pertuduhan menyalahgunakan wang bernilai RM43,098.20 berkaitan lebih tuntutan bayaran daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Negeri Johor, tiga tahun lepas.

Mohd Baharudin Admin, 45, juga tidak mengaku bersalah terhadap terhadap empat tuduhan pilihan memalsukan dokumen senarai Daftar Kehadiran Harian Tahanan Sementara (TS) Asrama Akhlak (L) Kempas kepada JKM Negeri Johor, pada tahun sama, selepas kesemua pertuduhan itu dibacakan terhadapnya hari ini.

Lelaki itu didakwa dengan curangnya menyalahgunakan suatu harta iaitu wang berjumlah RM15,718.20, RM4,500, RM9,380 dan RM13,500, iaitu lebih tuntutan bayaran syarikat Hikmat Warisan kepada JKM Negeri Johor melalui akaun CIMB Islamic Bank Bhd miliknya, daripada Mohd Ashaari Masiran, 39.

Kesemua kesalahan tersebut dilakukan di sebuah bank di Pusat Bandar Tampoi, di dalam Daerah Johor Bahru pada 6 Januari 30 Apr, 31 Mei dan 25 September 2021 dan pendakwaan mengikut Seksyen 403 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum lima tahun dengan sebatan dan boleh dikenakan denda, jika sabit kesalahan.

Mohd Baharudin juga didakwa atas pertuduhan pilihan satu hingga empat, dengan curangnya menggunakan sebagai tulen satu dokumen iaitu Senarai Daftar Kehadiran Harian Tahanan Sementara Asrama Akhlak (L) Kempas bagi bulan Julai, Ogos, September dan Oktober 2021 yang diketahui pada masa tertuduh menggunakannya adalah satu dokumen palsu.

Kesalahan dilakukan di JKM Negeri Johor, Wisma Persekutuan, Jalan Ayer Molek, di dalam Daerah Johor Bahru, pada 2 November, 2 September, 4 Oktober dan 2 November 2021.

Pendakwaan mengikut Seksyen 471 Kanun Keseksaan dibaca bersama dengan Seksyen 28(1)(c) Akta Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia 2009 dan boleh dihukum di bawah Seksyen 465 Kanun sama yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum dua tahun atau dengan denda atau dengan kedua-duanya, jika sabit kesalahan.

Timbalan Pendakwa Raya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Mohd Yasri Yahya dan Mohammad Riduwan Mohammad Radzi, mencadangkan jaminan RM20,000 bagi semua pertuduhan dengan seorang penjamin beserta syarat tambahan tertuduh perlu melaporkan diri sebulan sekali di Pejabat SPRM Johor Bahru, dan passport antarabangnya diserahkan kepada mahkamah.

Peguam Khairul Azwad Sariman dan Mohd Syahmi Nawawi memohon jaminan dikurangkan tidak lebih RM10,000 dan pengecualian syarat, kerana Mohd Baharudin yang kini berkhidmat sebagai Penolong Pegawai Pembangunan Masyarakat sentiasa memberi kerjasama kepada SPRM, selain telah berkhidmat sebagai penjawat awam selama 22 tahun dan menanggung seorang isteri yang tidak bekerja dan lima anak kecil yang masih bersekolah.

Hakim Datuk Ahmad Kamal Arifin Ismail kemudiannya membenarkan lelaki itu diikat jamin RM10,000 dengan seorang penjamin tempatan untuk semua pertuduhan.

Kes ditetapkan untuk sebutan semula bagi serahan dokumen pada 24 Oktober depan. - Bernama

### **KANAK-KANAK TIGA TAHUN DISYAKI DIDERA, SUAMI ISTERI DITAHAN**

KLUANG: Pasangan suami isteri ditahan kerana disyaki mendera anak lelaki mereka yang berusia tiga tahun selepas menerima maklumat daripada Hospital Enche Besar Hajjah Khalsom (HEBHK) Kluang, semalam.

Ketua Polis Daerah Kluang, Asisten Komisioner Bahrin Mohd. Noh berkata, pasangan berusia dalam lingkungan 20-an itu ditahan pada pukul 1.50 pagi tadi di pekarangan hospital berkenaan.

Sebelum itu pihak polis menerima panggilan daripada seorang doktor yang bertugas di Wad Kecemasan pada pukul 9.50 malam semalam.

“Pihak hospital telah menerima seorang pesakit, iaitu kanak-kanak lelaki berusia tiga tahun yang mempunyai kecederaan di beberapa bahagian badan dipercayai didera. Semakan mendapati kedua-dua tahanan yang juga warga tempatan itu tidak mempunyai rekod jenayah lampau dan ujian saringan air kencing negatif daripada sebarang pengaruh dadah,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Kes disiasat di bawah Seksyen 31(1) (a) Akta Kanak-kanak 2001 yang boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan denda atau kedua-duanya sekali, jika sabit kesalahan.

Pasangan suami isteri itu kini ditahan reman selama tujuh hari bermula hari ini untuk membantu siasatan lanjut.

Orang ramai yang mempunyai sebarang maklumat berkaitan kejadian itu boleh menghubungi mana-mana balai polis berdekatan atau terus ke Ibu pejabat Polis Daerah (IPD) Kluang. – UTUSAN

### **DUA BERADIK, KANAK-KANAK & BAYI DIKHUATIRI HANYUT DIBAWA ARUS DERAS**



Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) dijalankan bagi mengesan dua kanak-kanak yang dikhuatiri hanyut dibawa arus deras di Kg Dalit, Sook di sini hari ini.

KENINGAU: Dua beradik kanak-kanak berusia dua tahun dan seorang bayi dikhuatiri hanyut dibawa arus deras ketika banjir melanda tempat kediaman rumah mangsa di Kampung Dalit, Sook pada jam 5 petang semalam.

Jurucakap Pusat Gerakan Operasi (PGO) Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Sabah berkata, pihak Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Sook menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu pada jam 10.06 malam Selasa (24 Sept).

“Menurut pengadu terdapat tujuh orang mangsa hanyut di bawa arus ketika banjir di tempat kediaman rumah mangsa pada jam 5 petang semalam (24 Sept).

“Lima mangsa selamat manakala dua orang lagi masih hilang merupakan mangsa kanak-kanak berusia dua tahun dan bayi dua bulan.

“Pasukan Bomba dari BBP Keningau (Balai Bantuan) bersama BBP Nabawan berada di lokasi untuk mengambil maklumat mangsa.

“Operasi mencari dan menyelamatkan (SAR) sedang giat dijalankan dan maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa,” katanya dalam kenyataan hari ini.